

187 pelajar KUTKM terima Anugerah Dekan

Archival News | Berita Harian | 25/07/2003

SERAMAI 187 pelajar Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) menerima Anugerah Dekan bagi sesi 2002/2003 yang disampaikan Rektornya, Prof Datuk Dr Mohd Ruddin Ab Ghani, di kolej universiti itu di Ayer Keroh, Melaka, baru-baru ini.


Jumlah penerima anugerah itu tahun ini meningkat berbanding 148 pelajar tahun lalu dan perkembangan itu dilihat sebagai kejayaan KUTKM melahirkan pelajar cemerlang, apatah universiti itu baru dan mengamalkan konsep pembelajaran "hands-on".

Dr Mohd Ruddin dalam ucapannya menyarankan semua pelajar menghayati misi kolej universiti itu yang juga inti pati kepada kewujudannya sebagai institusi keilmuan.

Katanya, kolej universiti itu ditubuhkan untuk menghasilkan graduan cemerlang serta seimbang dan untuk mencapai matlamat itu, pelajarnya hendaklah memastikan bahawa kecemerlangan dicapai, dipertahan, dipertingkat dan diperhebatkan.

"Ini perlu kerana bagi mencapai sesuatu tingkat kecemerlangan adalah lebih mudah daripada mempertahankannya. Kepada yang pertama kali menerima anugerah ini, jangan cepat berpuas hati dan mereka dinasihatkan jangan alpa agar tidak tergelincir dari landasan kejayaan," katanya.

(END) Source : Berita Harian



اویونسیتی تکنیکال ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA